



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	5/3/2013

Suluk Sabah kutuk penceroboh

Lahad Datu: Pemimpin masyarakat mewakili pelbagai suku kaum di daerah ini menyokong penuh apa saja usaha kerajaan menghentikan pencerobohan kumpulan bersenjata yang berkubu di Kampung Tanduo sejak 12 Februari lalu.

Mereka sependapat tindakan kumpulan berkenaan melampaui batas dan pihak keselamatan wajar mengambil tindakan berkesan bagi menghentikan kemaraan mereka serta mengukuhkan keselamatan negeri ini.

Ketua Daerah Lahad Datu, Sulaiman Atok, berkata rakyat daerah ini membantah tindakan penceroboh dan mengutuk perbuatan mereka membunuh anggota keselamatan serta menimbulkan kekacauan.

Katanya, sejak kemasukan kumpulan berkenaan, penduduk bimbang mengenai keselamatan mereka selain turut menjejaskan kegiatan harian termasuk perniagaan dan ekonomi.

Penceroboh berdegil

"Mulanya kita berharap kerajaan dapat menangani kes ini dengan teliti tanpa pertumpahan darah, malangnya penceroboh berdegil hingga berlaku pertempuran dengan pasukan keselamatan.

"Mereka tidak menghargai usaha murni kerajaan mengatasi masalah ini secara aman. Sehubungan itu, kita menyokong kerajaan mengambil tindakan lebih berkesan menyelesaikan masalah ini," katanya di sini, semalam.

Beliau yang mewakili ma-

syarakat Idaan yakin kira-kira 300,000 penduduk daerah ini dan rakyat Sabah serta negara membantah pencerobohan kumpulan berkenaan dan mahu mereka keluar segera bagi menamatkan kekacauan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Air, Asanji Bairullah, yang mewakili masyarakat Suluk di daerah ini berkata, mereka tidak menyokong tindakan penceroboh kerana perbuatan itu menjejaskan keamanan.

Bantah sekeras-kerasnya

"Masyarakat Suluk di daerah ini membantah sekeras-kerasnya tindakan penceroboh dan kita berterima kasih kepada kerajaan serta pasukan keselamatan yang sanggup bergadai nyawa mempertahankan

keselamatan," katanya.

Wakil masyarakat Cocos, Hassan Wedley, yang juga Pemaju Mukim Segama, berkata masyarakat kecewa apabila suasana aman dinikmati mereka selama ini tercemar dengan tindakan kumpulan penceroboh.

Katanya, sebagai tanda sokongan kepada pasukan keselamatan, pihaknya meminta semua Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di Mukim Segama meningkatkan rondaan malam bagi memantau keselamatan penduduk kampung.

Ketua Kampung Teluk Soaion, Nasir Baru, berkata tindakan keras wajar dikenakan terhadap kumpulan penceroboh atas kedegilan mereka enggan keluar dari negeri ini meskipun sudah diberi peluang.